

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 5/1987**

=====

**PERWAKILAN KUASA**

-----

Perwakilan Kuasa kepada Pentadbiran Tanah Daerah Untuk:-

- (i) menimbang permohonan kebenaran menggadaikan tanah-tanah, yang tertakluk kepada Sekatan Kepentingan kepada Institusi-Institusi Kewangan.
- (ii) melanjutkan tempoh mendirikan bangunan yang tidak dapat didirikan dalam masa yang ditetapkan di bawah Seksyen 116(1)(a) Kanun Tanah Negara, 1965.

=====

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang bermesyuarat pada 6hb. Mei, 1987 telah membuat keputusan supaya diluluskan Perwakilan Kuasa kepada Pentadbiran Kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah seperti berikut:-

- (i) menimbang serta meluluskan permohonan kebenaran menggadaikan tanah-tanah yang tertakluk kepada Sekatan Kepentingan kepada Institusi-Institusi Kewangan;
- (ii) menimbang serta meluluskan kebenaran lanjutan tempoh mendirikan bangunan menurut Seksyen 107 Kanun Tanah Negara, 1965 bagi tanah milik yang tertakluk kepada sekatan masa yang dikenakan di bawah Seksyen 116(1)(a) Kanun Tanah Negara, 1965.

2. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dengan ini dikehendaki, mengambil tindakan sewajarnya.

3. Pekeliling ini mula berkuatkuasa mulai daripada 6hb. Mei 1987.

T.T  
**(DATO' ABDUL HADI BIN HJ. SIDEK)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 26.6.87

PTG.Sel.46/1